

Perkongsi idea bersama Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

USIM bakal terokai pembiayaan wakaf

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 28 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini menjalankan perkongsian idea bersama Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dalam usaha menceburi sekali gus membangunkan bidang pembiayaan wakaf.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, usaha itu bertujuan membolehkan USIM menjadikan MUIS sebagai contoh berdasarkan kejayaan yang dikecapi dalam bidang berkenaan.

“Pihak kami mengadakan pertemuan dalam usaha berkongsi pengetahuan dan pengalaman MUIS menguruskan pembiayaan wakaf dengan jayanya sehingga menjadi salah satu institusi yang ternama dan mempunyai reputasi cemerlang di Singapura.

“Malah MUIS turut melaksanakan inovasi dalam pengurusan wakaf mereka secara profesional, efisien dan berjaya,” katanya selepas menyertai kunjungan ke MUIS di Singapura baru-baru ini.



DR. ASMA Ismail (lima, kanan) berbincang bersama pihak pengurusan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk berkongsi ilmu dalam usaha menceburi sekali gus membangunkan bidang pembiayaan wakaf dalam pertemuan di Singapura, baru-baru ini.

Jelasnya, inisiatif itu selari dengan hasrat universiti untuk menggerakkan Wakaf Financing secara

serius seiring dengan Amanat Tahun Baharu 2013.

“Di sinilah menjadi keperluan

dan cabaran utama IPTA untuk menggunakan peruntukan operasi yang diberikan kerajaan bagi meng-

gembeng penjana kewangan secara wakaf serta diuruskan hasil penjana secara syariah dan pro-

fesional,” katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamad Alias berkata, keperluan kepada pengurusan wakaf secara korporat dan profesional seperti diamalkan di Singapura wajar dicontohi di negara ini.

“Konsep wakaf yang diperkenalkan lewat abad ke-19 di sana telah berkembang pesat malah diiktiraf di peringkat antarabangsa.

“Mengambil contoh MUIS melalui anak syarikatnya Warees Investments Pte Limited telah berjaya membangunkan tanah wakaf di Bencoleen Street, daripada tapak tanah wakaf yang terbiar kepada sebuah bangunan kediaman komersial,” katanya.

Menurut Mohamad, selain dana wakaf tunai, konsep sukuk musyarakah yang melibatkan perkongsian dana di antara pelabur dan MUIS juga boleh dijadikan rujukan.

“Pembangunan hartanah wakaf secara profesional ini menghasilkan pulangan yang besar kepada MUIS untuk disalurkan semula kepada umat Islam yang memerlukan,” tambahnya.